

# Lembu 'limosin' dijual RM30,475

**YOGYAKARTA** - Lembu dan kambing yang berkualiti sentiasa menjadi buruan ramai dan menerima permintaan tinggi khususnya ketika sambutan Hari Raya Aidiladha.

Haiwan itu terutamanya yang sihat dan memiliki berat badan berlebihan biasanya tidak menghadapi masalah untuk dijual pada harga tinggi.

Tidak terkecuali seekor lembu yang digelar 'sapi limosin' dengan berat mencecah kira-kira 1.3 tan di Gunungkidul, sebuah daerah istimewa di Yogyakarta.

Lembu itu telah dibeli pada harga 100 juta rupiah (RM30,475), baru-baru ini sekali gus diiktiraf sebagai lembu paling mahal di Yogyakarta setakat ini.

"Sapi (lembu) ini sudah dibeli oleh sebuah yayasan di Depok dan kita akan kirim haiwan itu ke Jakarta dalam masa beberapa hari lagi," kata pemiliknya, Didik Hendra Prasetya.

Menurut Didik yang berasal dari Dusun Duwet di Gunungkidul, lembu tersebut dibelinya pada harga 23 juta rupiah (RM7,009) dan dipelihara selama satu setengah tahun sebelum dijual kepada yayasan tersebut.

Katanya, selain diberi makanan hijau yang berkhasiat, dia turut mencampurkan dedak yang dirumus khas untuk meningkatkan berat lembu itu.

"Makanan yang dirumus khas itu sebenarnya boleh mengurangkan kos untuk menyediakan

makanan ternak," kata Didik.

Sementara itu, Ketua Pejabat Penternakan Gunungkidul, Krisna Berlian berharap, dengan tersebarnya berita mengenai harga lembu yang tinggi itu, para penternak di kawasan tersebut akan berusaha lebih gigih untuk meningkatkan produktiviti haiwan mereka.

"Jika penternak ini profesional, maka, hasilnya juga akan bagus. Siapa sangka lembu seberat 1.3 tan ini boleh dijual pada harga sehingga 100 juta rupiah," katanya. - LIPUTANG



LEMBU jenis 'limosin' dengan berat kira-kira 1.3 tan berjaya dijual pada harga 100 juta rupiah (RM30,475) di Gunungkidul, Yogyakarta, Indonesia baru-baru ini. - AGENSI

UM  
27/8